



UPSI Perkuh Kerjasama Akademik Malaysia-Indonesia Melalui Program Antarabangsa

Aceh, 4 April - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memperkuh jaringan akademik antarabangsa menerusi pelaksanaan program akademik bersama Universitas Almuslim (Umuslim), Indonesia, sebagai susulan kepada Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai pada 14 Januari lepas.

Program anjuran Program Pascasarjana Umuslim itu bertujuan mempertingkatkan kualiti graduan dan tenaga pengajar melalui pendedahan kepada perspektif pendidikan global, selaras dengan peranan UPSI sebagai peneraju dalam bidang pendidikan. Kemuncak program berkenaan menyaksikan pelantikan Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Fakulti Pembangunan Manusia UPSI, Prof. Madya Dr Abdul Halim Masnan sebagai Profesor Adjung di institusi berkenaan. Pelantikan itu dibuat susulan jemputan rasmi bertarikh 25 Mac lepas dan dilihat sebagai pengiktirafan terhadap kepakaran beliau dalam bidang pembangunan manusia serta pedagogi pendidikan. Sebagai Profesor Adjung, beliau

akan berperanan membimbing mahasiswa pascasarjana selain menyumbang kepada pembangunan kurikulum di Universitas Almuslim.

Dalam pada itu, satu sesi Kuliah Tamu Internasional turut diadakan di Aula Creative Centre MA Jangka, Universitas Almuslim, yang dihadiri mahasiswa pascasarjana, pensyarah dan pengamal pendidikan di wilayah Bireuen. Kuliah bertemakan "Penguatan Kompetensi Pendidik Profesional Berkelanjutan dalam Implementasi Kurikulum yang Adaptif" itu memberi penekanan kepada keperluan pendidik masa kini untuk memiliki daya tahan serta fleksibiliti tinggi dalam mendepani perubahan landskap pendidikan global. Dr. Abdul Halim dalam pembentangannya berkata kurikulum yang adaptif amat penting bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran kekal relevan dengan keperluan industri serta cabaran masa hadapan, khususnya dalam era pascapandemik dan transformasi digital.

Jelajah Integrasi: The Math and Mindset USM X UPSI

Tanjong Malim, 3 April - Seramai 38 orang barisan kepimpinan Persatuan Sains Matematik, atau lebih dikenali sebagai *Mathematics Society* (MathSoc), Universiti Sains Malaysia telah mengadakan lawatan ke Universiti Pendidikan Sultan Idris, secara amnya, dan ke Fakulti Sains dan Matematik (FSM) secara khusus.

Lawatan ini dilaksanakan menerusi program *Jelajah Integrasi: The Math and Mindset USM x UPSI*, yang merupakan anjuran bersama MathSoc dan Persatuan Mahasiswa Matematik UPSI (PMMU), dengan kerjasama Jabatan Matematik, FSM. Program ini bertujuan memperkuhkan hubungan silaturahim serta memupuk

perkongsian ilmu antara dua badan pelajar tersebut, di samping menggalakkan pertukaran idea dan pengalaman dalam bidang matematik. Program ini merupakan satu inisiatif yang bertujuan untuk memperkuhkan hubungan antara persatuan Matematik di pelbagai institusi pengajian tinggi.

Melalui program ini, satu platform disediakan bagi membolehkan setiap persatuan berkongsi maklumat, bertukar pandangan serta membincangkan idea-idea baharu ke arah memperkasa pembangunan komuniti Matematik di peringkat kampus.



FBK, UPSI jadi perintis perkenal pengajian bahasa Melayu di Bukhara State University

Uzbekistan, 3 April - Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) meneroka lebih jauh ke peringkat antarabangsa apabila menjadi perintis memperkenalkan pengajian bahasa Melayu di Bukhara State University (BukhsU), Uzbekistan.

Dekan FBK, Prof Madya Dr Mazura @ Mastura Muhammad berkata sekaligus FBK UPSI kini bertanggungjawab memperkenalkan bahasa Melayu dalam pengajian akademik di universiti berkenaan.

"Bahasa Melayu belum pernah ditawarkan secara formal dalam mana-mana program akademik di universiti berkenaan," kata beliau.

Dua Ahli Akademik

Jelas beliau bagi kelancaran pelaksanaan program berkenaan, dua ahli akademik FBK UPSI Dr. Zuraini Ramli dan Profesor Madya Dr. Dahlia Janan kini dalam rangka sangkutan akademik selama enam bulan di

universiti berkenaan.

"Dr. Zuraini berada di BukhsU pada awal Mac hingga akhir Mei 2026 bagi tempoh tiga bulan pertama, bagi memulakan usaha pengenalan dan pengajaran bahasa Melayu di universiti tersebut," kata beliau.

Dalam konteks ini, kata beliau satu pertemuan rasmi diadakan antara Rektor BukhsU, Profesor Obidjon Xamidov dengan Dr. Zuraini bagi membincangkan hala tuju kerjasama akademik antara kedua-dua institusi.

Membuka Lembaran Baharu

Menurut Xamidov, kehadiran wakil UPSI membuka lembaran

baharu dalam pengantarabangsaan universiti tersebut.

"Kerjasama ini merupakan satu langkah penting dalam memperluas jaringan antarabangsa BukhsU. Kami melihat potensi besar dalam memperkenalkan bahasa Melayu kepada pelajar kami, khususnya dalam bidang pelancongan dan hospitaliti," katanya.

Sementara itu, Dr. Zuraini menyifatkan peluang ini sebagai satu usaha strategik dalam memperkenalkan bahasa Melayu ke peringkat global, khususnya di rantau Asia Tengah yang kini pesat berkembang dalam sektor pelancongan.



Majlis Penyerahan Kunci Wellness Hub Muallim



Kunjungan hormat Ketua Cawangan Khas Perak



Program Satu Ringgit, Satu Hati Perkuh Semangat Keprihatinan Komuniti



Pasar Karya Adiwarna: Platform Siswa Ubah Kreativiti Jadi Keuntungan